

Media Sosial dan Keterhubungan Global dalam Era Digital: Naratif Fiksi Mini 16:60

Nurezzah Haziqah Zambahri, * Ena Herni Wasli

Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link Gadong, BE1410, Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: ena.wasli@ubd.edu.bn

Received: June 2025; Revised: June 2025; Published: July 2025

Abstrak

Kajian ini meneliti keterhubungan global dalam masyarakat moden melalui karya *Fiksi Miini 16:60* (2018) oleh Haji Morshidi Haji Marsal. Pendekatan kualitatif dengan kaedah pembacaan teks digunakan bagi menganalisis lima naratif terpilih, iaitu "Facebook," "16:60," "Kita Sama Saja," "Kontrak," dan "Sakit Jiwa." Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan media massa dalam membentuk interaksi sosial, menilai kesan teknologi digital terhadap komunikasi dan hubungan sosial, serta meneliti manifestasi keterhubungan global dalam konteks kehidupan tempatan. Dapatan menunjukkan bahawa media sosial seperti Facebook, Whatsapp dan YouTube berperanan dalam mewujudkan hubungan sosial baharu, identiti maya dan pengaruh global dalam kehidupan seharian. Naratif-naratif ini menggambarkan keterbukaan terhadap pengaruh luar, perubahan corak komunikasi dan kemunculan budaya pamer digital sebagai elemen yang mengubah cara masyarakat berfikir dan berinteraksi. Kajian ini menegaskan bahawa karya seperti *Fiksi Mini 16:60* bukan sahaja mencerminkan realiti sosial, tetapi juga bertindak sebagai wadah kritis dalam memahami kesan globalisasi terhadap nilai dan budaya masyarakat dalam era digital.

Keywords: globalisasi; media sosial; budaya digital; identiti maya; sastera Melayu

Abstract

This study examines global connectivity in modern society through the work *Fiksi Mini 16:60* (2018) by Haji Morshidi Haji Marsal. A qualitative approach using close textual reading was employed to analyze five selected narratives such as "Facebook," "16:60," "Kita Sama Saja," "Kontra," and "Sakit Jiwa." The study aims to analyze the role of mass media in shaping social interactions, assess the impact of digital technology on communication and social relationships, and investigate the manifestation of global connectivity within the context of local life. The findings reveal that social media platform such as Facebook, WhatsApp, and YouTube play a role in creating new social relationships, virtual identities, and global influences in daily life. These narratives illustrate openness to external influences, changes in communication patterns and the emergence of digital display culture as elements that transform how society thinks and interacts. This study emphasizes that works like *Fiksi Mini 16:60* not only reflect social realities but also serve as a critical mediums for understanding the impact of globalization on values and culture in the digital era.

Keywords: globalization, social media, digital culture, virtual identity, Malay literature

How to Cite: Zambahri, N. H., & Wasli, E. H. (2025). Media Sosial dan Keterhubungan Global dalam Era Digital: Naratif Fiksi Mini 16:60. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(2), 141–156. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v3i2.2926>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v3i2.2926>

Copyright© 2025, Zambahri & Wasli.

This is an open-access article under the [CC-BY-SA](#) License.



PENGENALAN

Globalisasi telah memberikan kesan yang signifikan terhadap masyarakat di seluruh dunia. Proses ini mempercepat hubungan antara individu dan komuniti dari pelbagai budaya dan latar belakang, menciptakan rasa kesatuan dalam masyarakat global. Globalisasi turut membentuk semula cara kita memahami identiti, kepelbagaian budaya dan interaksi sosial. Masyarakat kini semakin melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada komuniti global yang lebih besar (Mohd Syariefudin et al. 2017), isu-isu seperti perubahan iklim, perdagangan antarabangsa dan masalah sosial dipandang sebagai tanggungjawab bersama. Selain itu, teknologi memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kesan globalisasi. Internet dan media sosial, misalnya, membolehkan penyebaran maklumat dengan cepat ke seluruh dunia, menjadikan dunia kelihatan lebih kecil dan mudah diakses. Dengan kemajuan teknologi ini, masyarakat dapat berinteraksi tanpa batasan ruang dan waktu.

Kemajuan pesat dalam teknologi digital juga menjadi pemangkin utama globalisasi, mempercepatkan pertukaran dan inovasi dalam pelbagai bidang, termasuk telekomunikasi, pengangkutan, dan komunikasi digital (Garris & Syarif, 2020). Media massa dan media sosial, khususnya, memainkan peranan penting dalam menyebarkan nilai budaya dan trend global, serta menyediakan platform untuk interaksi antara masyarakat di seluruh dunia (Nurudin, 2008). Selain itu, media massa berfungsi sebagai alat untuk menyebarkan kepelbagaian budaya dan memperluas perspektif masyarakat terhadap kehidupan di luar lingkungan mereka. Contohnya, fenomena global seperti gelombang K-Pop dari Korea Selatan menunjukkan bagaimana media massa mampu mempengaruhi budaya remaja di pelbagai negara dan membentuk pemahaman lintas budaya. Fenomena ini juga menonjolkan bagaimana muzik, fesyen dan gaya hidup dari satu negara dapat diterima dan diadaptasi oleh masyarakat di seluruh dunia, mencipta sejenis dialog budaya yang unik. Selain hiburan, media sosial juga memainkan peranan besar dalam memobilisasi sokongan terhadap isu-isu global seperti perubahan iklim dan keadilan sosial, membolehkan individu dan kumpulan dari pelbagai latar belakang bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama (Iriani, 2024). Dengan teknologi yang terus berkembang, masyarakat global kini mempunyai peluang yang lebih besar untuk berkongsi pandangan, idea dan aspirasi mereka, seterusnya memperkayakan kehidupan bersama dalam dunia yang semakin terhubung.

Walau bagaimanapun, keterbukaan terhadap pengaruh luar melalui media juga menuntut masyarakat untuk menjadi pengguna yang bijak dan kritis terhadap kandungan yang diterima. Literasi media merupakan aspek penting dalam memastikan masyarakat tidak hanya menerima maklumat secara pasif tetapi juga mampu menilai dan menganalisis kandungan yang dipaparkan, (Wasli & O'Mara, 2014). Dalam konteks ini, karya sastera berpotensi menjadi medium pendidikan yang berkesan dalam meningkatkan pemahaman tentang pengaruh media dan membina kesedaran budaya yang lebih seimbang. Melalui pembacaan dan analisis karya sastera, individu dapat mengembangkan keupayaan untuk melangkaui apa yang ditonjolkan di permukaan media (Wasli & O'Mara, 2014). Karya sastera sering kali mencerminkan realiti sosial dan menawarkan pandangan mendalam mengenai kehidupan, nilai, dan budaya. Ini bukan sahaja membantu pembaca memahami

konteks budaya dan sejarah sesebuah masyarakat, tetapi juga mengasah kemampuan mereka untuk berfikir secara kritis dan reflektif. Sebagai contoh, novel-novel klasik dan kontemporari dapat digunakan sebagai alat untuk meneroka isu-isu kompleks seperti identiti, kuasa, dan ketidakadilan sosial. Dengan memahami naratif dan simbolisme dalam karya sastera, pembaca dapat memupuk kepekaan terhadap pelbagai perspektif dan pengalaman manusia, yang seterusnya dapat membantu mereka menjadi lebih bijak dalam menilai maklumat yang diterima melalui media. Tambahan pula, pendidikan literasi media yang digabungkan dengan kajian sastera dapat memperkasakan individu untuk mengenali bias dan manipulasi dalam kandungan media. Dengan cara ini, masyarakat dapat membina daya tahan terhadap pengaruh negatif globalisasi, sambil terus menikmati dan memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh dunia yang semakin terhubung.

Dari perspektif sejarah, perkembangan media massa telah melalui pelbagai fasa, bermula daripada era cetakan, radio, televisyen sehingga era digital pada masa kini. Setiap fasa ini membawa perubahan yang signifikan dalam cara masyarakat berinteraksi serta memahami dunia di sekitar mereka. Karya sastera sering kali mencerminkan perubahan ini, merakamkan bagaimana masyarakat bertindak balas terhadap perkembangan media dan teknologi dalam konteks zaman masing-masing. Mahmud Bakyr (1983) menegaskan bahawa sastera bukan sahaja menjadi wadah ekspresi pengarang, tetapi juga refleksi kehidupan dan pengalaman mereka, yang kemudianditerjemahkan dalam bentuk fiksi sebagai hubungan dinamik antara pengarang dan karyanya. Hubungan ini bersifat dinamik kerana karya sastera merupakan pernyataan atau ungkapan jiwa dan pemikiran pengarang yang terbentuk atau dipengaruhi oleh latar belakang sosial serta pengalaman hidup mereka. Dalam proses penciptaan, pengarang berperanan sebagai individu sosial yang berinteraksi dengan masyarakat dan pembaca (Mana Sikana, 2011; Ghazali, 2020). Oleh itu, karya sastera berfungsi sebagai medium komunikasi antara pengarang dan dunia luar, iaitu masyarakat umum.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis karya penulis tempatan Brunei bertajuk "*Fiksi Mini 16:60*" yang dihasilkan oleh Mussidi atau nama sebenarnya, Haji Morshidi Haji Marsal. Analisis ini akan menumpukan pada lima buah cerita dalam karya tersebut yang menggambarkan peranan media massa berperanan dalam mempermudah interaksi serta hubungan masyarakat, sekali gus memberikan perspektif sastera terhadap pengaruh media dalam era globalisasi. Melalui analisis ini, kita akan mengkaji bagaimana naratif dalam "*Fiksi Mini 16:60*" mencerminkan perubahan sosial yang dibawa oleh perkembangan media massa. Karya ini menawarkan pandangan unik tentang bagaimana individu dan komuniti beradaptasi dengan persekitaran yang semakin terhubung dan dinamik, dalam keadaan maklumat disebarkan dengan pantas dan batasan geografi menjadi semakin kabur.

Walaupun wacana berkaitan media digital dan kesannya terhadap masyarakat telah banyak dikupas dalam pelbagai bidang, kajian yang meneliti refleksi isu-isu ini melalui bentuk naratif fiksi mini masih kurang diberikan perhatian, khususnya dalam konteks sastera Brunei. Kebanyakan kajian sastera yang sedia ada lebih cenderung menumpukan pada genre novel dan cerpen, sementara fiksi mini sebagai bentuk ekspresi sastera kontemporari belum banyak diteroka secara ilmiah.

Tambahan pula, kurangnya kajian yang menghubungkan karya sastera dengan isu keterhubungan global dan identiti pascamoden melalui perspektif media massa dalam konteks setempat menjadikan penyelidikan ini relevan dan signifikan. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi kekosongan tersebut dengan memberikan tumpuan kepada bagaimana *Fiksi Mini 16:60* mencerminkan cabaran dan perubahan serta interaksi sosial masyarakat Brunei dalam era globalisasi digital.

Setiap cerita dalam *Fiksi Mini 16:60* membawa mesej tersendiri mengenai kesan media terhadap kehidupan seharian. Misalnya, melalui watak-wataknya, Mussidi menggambarkan bagaimana media massa dapat berfungsi sebagai alat yang berkuasa dalam menyatukan masyarakat dan merapatkan jurang budaya. Dengan gaya penulisan yang padat dan penuh makna, Mussidi mengajak pembaca untuk merenungkan bagaimana media dapat menjadi jambatan penghubung pelbagai budaya dan pemikiran. Selain itu, karya ini juga menekankan pentingnya literasi media dalam era digital. Mussidi menggambarkan situasi di mana watak-wataknya perlu menilai dan memahami maklumat yang diterima, menekankan bahawa sikap kritis adalah kunci untuk menghindar manipulasi dan bias yang mungkin timbul dalam media. Ini selaras dengan keperluan masyarakat moden untuk menjadi lebih bijak dan berwaspada ketika berhadapan dengan pelbagai sumber maklumat.

Analisis ini akan mendalami tema-tema tersebut dan mendedahkan bagaimana karya sastera dapat berfungsi sebagai cerminan serta panduan dalam memahami realiti dunia global yang kompleks dan saling berkaitan.

Sastera dalam Era Digital

Dalam era globalisasi dan digitalisasi yang semakin pesat, karya sastera telah berkembang melampaui medium tradisional seperti buku cetakan dan manuskrip. Kini, telah memasuki ruang maya, di mana pengaruh media sosial dan teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam proses penghasilan, penyebaran dan penerimaan karya sastera (Gara, 2021). Penulis kontemporari semakin memanfaatkan medium digital untuk meneroka dan menggambarkan kesan globalisasi terhadap budaya, identiti dan hubungan sosial. Karya sastera tidak hanya mencatat perubahan sosial dan budaya yang dipengaruhi oleh globalisasi, tetapi juga mencerminkan bagaimana media massa serta teknologi maklumat telah mengubah cara manusia berinteraksi dan berkomunikasi dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks ini, media sosial dan teknologi digital berfungsi bukan hanya sebagai alat komunikasi tetapi juga membentuk cara masyarakat memahami dan menginterpretasi dunia di sekeliling mereka (Sohana Abdul Hamid, 2016). Platform digital seperti blog, laman web peribadi dan penerbitan elektronik membolehkan penulis berhubung secara langsung dengan pembaca di seluruh dunia, sekali gus menghapuskan batasan yang wujud dalam proses penerbitan konvensional. Perkembangan ini membuka peluang baru bagi penulis untuk meneroka idea dan konsep dengan lebih luas dan mendalam. Teknologi digital juga membolehkan sastera berkembang dalam bentuk yang lebih interaktif, seperti sastera elektronik (*electronic literature*), naratif multimedia dan penceritaan interaktif yang menggabungkan elemen visual, audio dan teks dalam satu pengalaman pembacaan yang lebih dinamik ((Zafar et al., 2024).

Walau bagaimanapun, meskipun globalisasi dan digitalisasi menawarkan peluang yang besar kepada perkembangan sastera, terdapat juga kebimbangan

terhadap kesannya terhadap budaya tempatan dan hubungan kemanusiaan. Beberapa penulis melihat era digital sebagai satu ruang kebebasan untuk berekspresi, di mana mereka dapat mengekalkan keunikan budaya tempatan sambil memanfaatkan teknologi moden. Namun, terdapat juga kritikan mengenai bagaimana dominasi teknologi komunikasi boleh mengakibatkan peminggiran nilai-nilai tradisional serta perubahan dalam cara manusia berinteraksi secara langsung (Siliutina et al., 2024; Chen, 2024). Globalisasi yang disalurkan melalui media massa dan teknologi digital juga dikhuatiri mampu menghakis identiti budaya tempatan akibat penyerapan nilai dan norma global yang semakin mendominasi (Tomlinson, 1999).

Secara keseluruhan, karya sastera memiliki potensi besar dalam merakam dan menganalisis hubungan kompleks antara globalisasi, media massa dan kehidupan manusia moden. Melalui naratif fiksi, penulis dapat mencetuskan pemikiran kritis di kalangan pembaca mengenai implikasi teknologi dan globalisasi terhadap individu serta masyarakat. Karya sastera juga berupaya memberikan perspektif alternatif, membantu pembaca menjadi lebih bijak dalam menilai dan memahami maklumat yang terdapat dalam persekitaran digital. Dengan demikian, sastera terus memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat memahami dunia yang semakin global dan digital ini. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai cerminan realiti sosial dan budaya, tetapi juga sebagai medium pendidikan yang menggalakkan perbincangan kritis mengenai cara manusia beradaptasi dan berkembang dalam era yang dipacu oleh teknologi dan maklumat ini. Tambahan pula, sastera berfungsi sebagai jambatan antara generasi memastikan bahawa nilai-nilai tradisi tidak hilang dalam arus perubahan yang pesat. Seiring dengan perkembangan ini, pengarang dan pembaca perlu terus membina wacana yang mengukuhkan pemahaman tentang bagaimana teknologi boleh digunakan secara positif untuk memelihara warisan budaya sambil meraikan kepelbagaian global.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

1. Menganalisis peranan media massa dalam membentuk interaksi sosial masyarakat sebagaimana digambarkan dalam "*Fiksi Mini 16:60*."
2. Menilai kesan teknologi digital terhadap komunikasi dan hubungan sosial dalam masyarakat berdasarkan representasi dalam "*Fiksi Mini 16:60*."
3. Meneliti bagaimana keterhubungan global dimanifestasikan dalam konteks kehidupan tempatan melalui naratif "*Fiksi Mini 16:60*."

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif iaitu pendekatan bacaan teks sepenuhnya sebagai metodologi utama untuk menganalisis karya *Fiksi Mini 16:60*. Pendekatan ini akan memberi tumpuan kepada analisis mendalam dan terperinci terhadap teks yang terpilih, dengan tujuan untuk memahami dan menilai pelbagai elemen naratif yang relevan dengan objektif kajian. Teks akan dibaca dan dianalisis melalui tiga fasa utama, iaitu

Bacaan Deskriptif

Peneliti membaca teks *Fiksi Mini 16:60* secara menyeluruh dan mendalam untuk memahami dan menggambarkan kandungan keseluruhan teks, termasuk plot, watak,

tema utama dan latar yang membentuk naratif. Peneliti akan mencatat aspek-aspek penting yang berkaitan dengan perwakilan media massa, teknologi digital, dan keterhubungan global dalam kehidupan tempatan, dengan tujuan untuk mengenal pasti bagaimana unsur-unsur ini dipaparkan dalam teks.

Bacaan Interpretatif

Peneliti akan menganalisis makna-makna mendalam yang terkandung dalam teks dan mengaitkannya dengan objektif kajian, khususnya mengenai peranan media massa, kesan teknologi digital dan keterhubungan global. Dalam peringkat ini, peneliti akan meneliti dialog, tindakan, serta peristiwa dalam teks yang merujuk kepada hubungan sosial, komunikasi dan globalisasi, sambil menghubungkannya dengan konteks sosial dan budaya yang lebih luas. Analisis akan memberi perhatian kepada cara penulis menggambarkan perubahan interaksi manusia dalam era digital melalui penggunaan simbolisme, metafora dan gambaran visual.

Bacaan Kritis

Peneliti akan membaca teks dengan perhatian khusus terhadap representasi media massa dan teknologi digital sebagai alat pembentuk interaksi sosial serta menilai kesan teknologi dan globalisasi terhadap individu dan masyarakat. Selain itu, peneliti juga akan menganalisis cara *Fiksi Mini 16:60* menggambarkan isu globalisasi, media massa, dan teknologi dalam konteks tempatan, termasuk kesannya terhadap identiti budaya masyarakat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Karya berbentuk eksperimen merupakan salah satu inovasi dalam kesusasteraan yang bertujuan untuk menarik minat khalayak pembaca serta memperluaskan horizon sastra dalam konteks yang lebih moden dan intelektual. Menurut Kamis Tuah (2020), karya eksperimen tidak hanya memperlihatkan kreativiti pengarang, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk mencabar daya pemikiran dan kepekaan intelektual pembaca, selaras dengan perkembangan teknologi dan perubahan sosial. Dalam konteks ini, *Fiksi Mini 16:60* (2018) menawarkan satu bentuk naratif yang mencerminkan hubungan antara masyarakat dan teknologi digital. Karya ini mengangkat pelbagai isu berkaitan pengaruh teknologi terhadap kehidupan seharian, khususnya dalam aspek komunikasi dan interaksi sosial. Beberapa tajuk seperti "*Facebook*," "*16:60*," "*Kita Sama Saja*," "*Kontrak*" dan "*Sakit Jiwa*" menampilkan wacana yang berkisar tentang peranan teknologi dalam membentuk hubungan individu dan masyarakat.

"Facebook"

Cerita "*Facebook*" memberikan gambaran yang tajam mengenai fenomena ketagihan media sosial dalam kalangan remaja moden. Watak Manisah digambarkan sebagai seorang pelajar yang sangat aktif di media sosial, khususnya Facebook dan memiliki lebih daripada 4,000 kenalan maya. Seperti yang dinyatakan dalam teks:

Manisah sentiasa meng-*update* status Facebook-nya setiap sejam. Ia mempunyai lebih 4000 kawan. Status Facebook-nya sentiasa menerima dari 500 hingga ke 2,000 *likes* dan lebih 1000 *comments*.

(*Fiksi Mini 16:60*, 2018:76)

Gejala ini memperlihatkan bagaimana media sosial telah menjadi medium utama interaksi sosial remaja, di mana penilaian diri dan hubungan sosial semakin banyak berlaku dalam ruang digital. Perolehan komen dan tanda suka yang banyak bukan sahaja menggambarkan kepuasan sosial, tetapi juga menunjukkan kebergantungan kepada pengiktirafan maya.

Naratif ini turut mengangkat paradoks antara imej dan realiti. Pada pandangan luar, Manisah kelihatan sebagai seorang pelajar yang berjaya dan mampu mengimbangi aktiviti maya dengan akademik. Namun, realiti sebenar terungkai apabila keputusan peperiksaan diumumkan dan Manisah gagal teruk. Konflik memuncak apabila dia memberi alasan bahawa dia tersalah menulis nama di kertas peperiksaan, iaitu menggunakan nama akaun Facebook yang panjang dan bersifat hiperbolik.

...pelajarannya tidak pernah terabai; ia adalah antara penuntut-penuntut yang cemerlang di sekolahnya. Apabila keputusan peperiksaan 'O' level keluar, semua orang terkejut kerana ia gagal teruk. Gurunya pun bertanya apa sebenarnya yang terjadi.

"Salah taruh nama, cikgu," katanya sambil mengelak dari memandang mata cikgunya.

[...] "Terpakai nama Fb cikgu, C'Manitzahcukadcayangcilalucayangkmuclamalamanya."

(Fiksi Mini 16:60, 2018:76)

Peristiwa ini bukan sekadar membawa unsur humor, tetapi memuatkan sindiran sosial yang tajam tentang kesan keterikatan kepada identiti maya hingga meresap ke ruang formal dan penting seperti peperiksaan.

Dari sudut budaya, cerita ini mencerminkan pertembungan antara budaya global dan tempatan. Facebook, sebagai platform media sosial global telah disesuaikan dalam konteks tempatan, di mana pengguna mencipta identiti maya yang unik, sering kali dengan bahasa yang mencampurkan unsur lucu, tidak formal dan penuh emosi. Nama *Facebook* Manisah yang panjang, aneh dan mungkin dianggap unik mencerminkan gaya komunikasi remaja yang telah mengasimilasikan unsur budaya global ke dalam kehidupan harian mereka. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun teknologi itu bersifat sejagat, penggunaannya tetap dibentuk oleh latar budaya setempat, menghasilkan bentuk komunikasi dan interaksi sosial yang tersendiri.

Secara keseluruhan, naratif "*Facebook*" berunsurkan humor ringan, tetapi menyampaikan makna mendalam tentang hubungan antara remaja dan teknologi digital. Cerita ini mengajak pembaca untuk merenung bagaimana media sosial mempengaruhi cara individu membina identiti, mengurus masa, dan membezakan antara ruang peribadi, maya dan formal. Selain itu, ia membuka ruang perbincangan yang lebih luas tentang cabaran yang dihadapi masyarakat moden dalam menyeimbangkan antara keterhubungan digital dengan tanggungjawab nyata.

"16:60"

Cerita "16:60" membawa isu pertembungan generasi dalam menghadapi gelombang digital. Petikan berikut menggambarkan suasana ketika watak utama

memperkenalkan teknologi moden kepada seseorang yang jelas belum biasa dengan kemajuan digital:

Ia meminta izin untuk memeriksa televisyen tersebut. Ini televisyen skrin nipis terkini LED-3D bersambung terus ke internet. Kemudian ia meminta izin untuk memeriksa komputer *notebook* yang ada di atas meja.

“Ini apa?” katanya.

“Komputer,” kataku.

Aku memperlihatkan kepadanya apa yang boleh dilakukan dengan komputer. Aku tahu ia suka membaca buku-buku klasik.

“Semua buku-buku klasik boleh di-*upload* ke komputer,” kataku. Aku faham memang ia bingung tentang apa yang kukatakan. “Tapi komputer sudah hampir-hampir *obsolete*. Kita menggunakan *smartphone* sekarang.”

Aku mengeluarkan *smartphone*-ku dan menunjukkan kepadanya *apps* Al-Quran yang cukup dengan terjemahan dan tafsir serta bacaan qari antarabangsa.

(Fiksi Mini 16:60, 2018:197-198)

Petikan ini jelas menunjukkan betapa cepatnya perubahan teknologi sehingga generasi tertentu menjadi keliru dan tertinggal. Penggunaan istilah seperti “*obsolete*” atau “hampir-hampir usang” bagi komputer menunjukkan percepatan keusangan teknologi, di mana peranti yang dulunya canggih kini cepat menjadi lapuk. Di sini, pengarang memperlihatkan kontras antara generasi lahir dalam era digital dengan generasi yang masih bergantung pada media konvensional.

Cerita ini turut membincangkan perubahan sosial, khususnya peranan teknologi dalam mengubah pola hidup seharian. Contohnya, aplikasi Al-Quran yang disebutkan bukan hanya simbol digitalisasi pengetahuan, tetapi juga peralihan cara masyarakat mendekati agama. Dulu, teks agama mungkin hanya diakses melalui media cetakan dan guru agama. Kini, dengan telefon pintar, bacaan, tafsir dan suara qari antarabangsa boleh diperoleh dengan sentuhan jari. Ini menunjukkan akses pengetahuan menjadi lebih terbuka, namun juga mengundang persoalan tentang kedalaman pemahaman berbanding sekadar akses permukaan.

Cerita ini juga memberi gambaran bahawa teknologi telah mula menyusun semula hierarki sosial, di mana kecekapan teknologi menjadi tanda status moden. Watak yang tidak biasa dengan teknologi digambarkan keliru dan “ketinggalan,” manakala watak utama pula menunjukkan kedudukan yang lebih “berkuasa” dalam perbualan melalui pengetahuan teknologinya. Ini mengajak pembaca merenung bahawa literasi digital kini bukan sekadar pilihan, tetapi satu bentuk modal sosial baru. Walaupun naratif ini ringkas, pembaca diajak untuk melihat teknologi bukan hanya sebagai alat tetapi sebagai satu bentuk kuasa yang berupaya mengubah cara manusia berinteraksi dengan dunia sekeliling (Fiktorius, 2013). Contoh:

- Buku-buku klasik → di-*upload* ke komputer → kemudian ke telefon pintar
- Mushaf bercetak → aplikasi Al-Quran

Perubahan ini menimbulkan persoalan:

- Adakah kemudahan akses digital meningkatkan pemahaman, atau sekadar mewujudkan pengguna tanpa penghayatan mendalam?

- Bagaimanakah hubungan sosial berubah apabila interaksi semakin bergantung pada teknologi?

Cerita “16:60” menggambarkan perubahan alat komunikasi sebagai cerminan kepada transformasi sosial yang lebih luas, termasuk perubahan struktur masyarakat, peralihan hubungan antara generasi, cara manusia mengakses ilmu, dan pergeseran identiti budaya. Melalui naratif yang ringkas namun berkesan, karya ini menyampaikan sindiran halus terhadap keterujaan terhadap teknologi tanpa disertai kesedaran kritis. Justeru, naratif ini menekankan kepentingan penilaian sendiri dalam menghadapi arus perubahan digital agar masyarakat tidak terperangkap sebagai pengguna pasif, sebaliknya mampu memanfaatkan teknologi bagi memperkaya potensi diri dan menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih bermakna.

“Kita Sama Saja”

Cerita “Kita Sama Saja” membawa wacana yang tajam dan satira terhadap penggunaan teknologi komunikasi moden serta keterhubungan global dalam masyarakat kontemporari. Melalui naratif ringkas dan berunsur humor, cerita ini memaparkan bagaimana media sosial seperti *WhatsApp* dan platform penyiaran seperti RTB (Radio Televisyen Brunei) memainkan peranan penting dalam membentuk semula struktur komunikasi, jaringan sosial serta persepsi awam terhadap maklumat peribadi.

Watak utama menggunakan *WhatsApp* bukan sekadar sebagai medium komunikasi, tetapi sebagai alat membuktikan kejujuran dalam hubungan suami isteri. Ketika pulang lewat malam, watak ini tidak disoal oleh isterinya kerana telah lebih awal menghantar gambar sebagai “bukti sosial” bahawa dia tidak berkelakuan curang.

Tengah malam baru aku pulang ke rumah. Isteriku tidak banyak tanya kerana aku telah me-WhatsApp gambar-gambar kami sedang makan dan minum itu sebagai bukti yang aku tidak berskandal dengan perempuan lain. Aku adalah suami yang baik...

(Fiksi Mini 16:60, 2018:88)

Petikan ini menggambarkan transformasi budaya kepercayaan daripada bersandarkan interaksi bersemuka kepada “bukti visual” melalui media digital. Dalam masyarakat yang masih mengekalkan nilai kekeluargaan, kebergantungan kepada teknologi sebagai pengesahan moral menunjukkan perubahan dalam norma komunikasi sosial. Dengan berkongsi gambar melalui aplikasi ini, watak utama berusaha untuk meyakinkan isterinya bahawa tidak ada perkara yang mencurigakan berlaku. Hal ini memperlihatkan bagaimana teknologi moden telah mengubah corak komunikasi dalam hubungan interpersonal, di mana kepercayaan kini sering kali bergantung kepada bukti digital.

Naratif seterusnya menampilkan keterhubungan global dalam hubungan sosial tempatan. Pertemuan dengan sahabat lama bernama Omar mengungkapkan wujudnya jaringan sosial yang merentas sempadan. Omar menganjurkan jamuan bersama rakan-rakan dari luar negara seperti Malaysia dan Indonesia, dan

menyatakan bahawa mereka secara berkala mengadakan perjumpaan di Bangkok dan Jakarta.

“Malam ani aku belanja, aku tuan rumah,” katanya. “Bukan jauh di restoran hotel sana atu. Kami saja, tiga orang, empat sama kau.”
 “Siapa kan kawan-kawanmu atu?” kataku. “Ada yang kukenal?”
 “Nada kali semua orang luar negeri,” katanya. “Minggu dapan kami jamuan di Bangkok. Minggu lapas di Jakarta.”

(*Fiksi Mini 16:60, 2018:86*)

Petikan ini memperlihatkan kewujudan kelas sosial tertentu dalam masyarakat Brunei yang aktif dalam jaringan antarabangsa. Jamuan makan malam bukan sekadar interaksi sosial tetapi mencerminkan budaya mobiliti global elit perniagaan atau korporat. Pola interaksi ini mengukuhkan hakikat bahawa globalisasi bukan sekadar proses ekonomi, tetapi juga budaya dan sosial, meresap masuk dalam kehidupan harian segelintir masyarakat, yang membawa identiti transnasional. Wujudnya interaksi antara ruang tempatan dan global memperlihatkan bagaimana individu dalam konteks budaya Melayu kini turut mengadaptasi pola komunikasi dan hubungan sosial dari konteks global.

Cerita ini juga menggunakan elemen humor dan satira dalam plot penutupnya, apabila najis watak utama tiba-tiba ‘berbau harum,’ menarik perhatian jiran-jiran dan media. Peristiwa luar biasa ini dilaporkan oleh RTB (Radio Televisyen Brunei) menjadikannya viral dalam kalangan masyarakat tempatan.

Esoknya, awal-awal pagi, kru daripada RTB datang untuk membuat liputan berita. Aku pun tidak tahu apa yang hendak kuberitahu.
 Ya, tahiku berbau harum, lebih harum dari kasturi.

(*Fiksi Mini 16:60, 2018:89*)

Peristiwa ini menyindir realiti masyarakat kontemporari yang mudah teruja dengan fenomena luar biasa yang sering kali diperbesar oleh media, baik digital mahupun tradisional. Kehadiran RTB dalam cerita ini menandakan peralihan media arus perdana kepada peranan sebagai penyebar sensasi. Dalam konteks ini, media tidak hanya menjadi penyampai berita, tetapi juga agen yang membentuk naratif kolektif masyarakat berdasarkan nilai-nilai hiburan, bukan semata-mata maklumat. Cerita ini, dengan nada sinis, memberi gambaran bahawa apa sahaja boleh menjadi berita dalam zaman digital termasuk hal paling peribadi dan absurd, sekiranya ia cukup ganjil untuk menarik perhatian.

Selain menjadi komentar sosial terhadap budaya digital dan keterhubungan global, cerita ini juga mencerminkan transformasi identiti dalam masyarakat moden. Watak utama yang pada awalnya cuba membuktikan kesetiaan kepada isteri melalui gambar, akhirnya menjadi “warga viral” akibat kejadian luar kawal. Fenomena ini menunjukkan bahawa dalam dunia pasca-moden, identiti dan reputasi seseorang boleh berubah drastik hanya melalui satu peristiwa yang disebarkan secara massa.

Secara keseluruhan, cerita “*Kita Sama Saja*” mengangkat wacana penting tentang teknologi komunikasi, keterhubungan rentas sempadan dan budaya sensasi

dalam masyarakat kontemporari. Walaupun bersifat humor dan satira, ia menyampaikan mesej mendalam tentang bagaimana individu berinteraksi dengan teknologi, membentuk jaringan sosial dan memprojeksikan identiti dalam ruang awam dan maya. Naratif ini membuka ruang perbincangan tentang cabaran budaya digital dalam masyarakat, dan mengajak pembaca menilai kembali sejauh mana teknologi dan media membentuk keperluan, kepercayaan dan makna dalam kehidupan moden.

“Kontrak”

Naratif “*Kontrak*” menyajikan sebuah kritikan sosial yang tajam terhadap dominasi media massa dan teknologi digital dalam membentuk identiti dan hubungan sosial masyarakat kontemporari. Cerita ini mengangkat pengalaman watak utama, Jumin Kasimin (JK), seorang individu biasa yang menjadi sensasi global secara tiba-tiba setelah persembahannya dirakam secara spontan dan dimuat naik ke *YouTube*:

Ia telah memvideo persembahanku dari awal hingga akhir melalui *handphone*-nya dan meng-*upload*-nya di *YouTube*.

Dalam masa 24 jam sahaja video tersebut mendapat lebih enam juta ‘hits’ dengan lebih sejuta ‘share’.

(*Fiksi Mini 16:60, 2018:55*)

Petikan ini memperlihatkan bagaimana *YouTube*, sebagai salah satu medium media sosial paling berpengaruh hari ini, berfungsi sebagai agen utama dalam menyebarkan maklumat, mencipta fenomena viral dan membentuk status sosial individu dalam masyarakat. Transformasi mendadak JK daripada individu biasa kepada ikon popular dunia mencerminkan bagaimana media digital berupaya mengangkat seseorang ke tahap selebriti secara spontan, sekaligus mengubah cara masyarakat berinteraksi dengan individu tersebut.

Fenomena ini secara langsung mencerminkan realiti kehidupan masa kini, di mana jumlah tontonan (*views*), perkongsian (*shares*), dan tanda suka (*likes*) berperanan sebagai indikator utama populariti dan penerimaan sosial. Dalam masyarakat digital, pengiktirafan tidak lagi diperoleh melalui interaksi bersemuka, tetapi ditentukan oleh sejauh mana kehadiran seseorang di platform digital. Hal ini menunjukkan bagaimana interaksi sosial semakin bergantung kepada media sosial untuk mendapatkan validasi, menjadikan ruang siber sebagai pentas baharu dalam pembinaan imej diri dan hubungan sosial.

Lebih menarik lagi, naratif ini juga mengetengahkan bagaimana identiti seseorang boleh dimanipulasi sepenuhnya oleh sistem yang dikuasai media dan teknologi. JK, setelah terkenal, menjadi produk pasaran yang dikawal sepenuhnya oleh pengurus imej dan strategi pemasaran:

Setiap gerakku, cakapku dan kataku sudah diatur dan dikoreograf oleh pakar-pakar imej dan ‘branding’, ada kata-kata yang boleh kugunakan dengan ketentuan berapa kali dan di mana aku menggunakannya, ada kata-kata yang aku diharamkan menggunakannya sama sekali, malah semua skandal dan kontroversi

yang menyelubungi gaya hidupku sebagai ikon pop sudah dirancang dari awal.

(Fiksi Mini 16:60, 2018:55)

Petikan ini menunjukkan bagaimana teknologi digital dan media massa telah mengaburkan sempadan antara keaslian dan kepalsuan dalam komunikasi, mencipta satu dunia yang dikawal oleh algoritma dan strategi pemasaran, bukannya kejujuran dan spontaniti. JK kehilangan autonomi terhadap dirinya, malah identitinya menjadi komoditi yang dijual dan dibentuk oleh kehendak pasaran. Ini menunjukkan bagaimana sistem kapitalisme media telah mengobjekkan manusia, menjadikan mereka boneka dalam industri hiburan global.

Dalam konteks keterhubungan global, cerita ini turut memperlihatkan bagaimana kehidupan tempatan yang sederhana boleh terperangkap dalam jaringan global akibat kemunculan teknologi digital. JK bukan sahaja menjadi terkenal di negara asalnya, malah di pentas antarabangsa:

“Pada hari-hari, minggu-minggu dan bulan-bulan berikutnya adalah waktu-waktu yang sibuk bagiku, menandatangani kontrak dan perjanjian, membuat penggambaran muzik video, mengadakan konsert di setiap kota besar dunia.”

(Fiksi Mini 16:60, 2018:5)

Transformasi ini menggambarkan bagaimana keterhubungan global boleh mencairkan sempadan antara budaya tempatan dan budaya global, menjadikan identiti individu semakin terhakis akibat tekanan untuk menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran antarabangsa. Kesan langsungnya ialah kehilangan nilai-nilai tempatan, tekanan sosial yang tinggi serta krisis identiti dalam kalangan masyarakat yang terjebak dalam pusaran globalisasi.

Secara keseluruhan, naratif “*Kontrak*” berjaya menyingkap pelbagai persoalan penting yang berkait rapat dengan impak media massa, teknologi digital dan keterhubungan global terhadap masyarakat moden. Cerita ini tidak sekadar mengangkat isu populariti dalam dunia hiburan, tetapi lebih jauh daripada itu, mengupas transformasi sosial dan psikologi masyarakat dalam era digital. Melalui watak Jumin Kasimin, pembaca diajak untuk merenung bagaimana teknologi bukan sahaja membentuk interaksi sosial, tetapi turut mengawal cara manusia melihat diri sendiri dan orang lain. Dalam dunia yang semakin digital dan terhubung, “*Kontrak*” menjadi cerminan kepada realiti hari ini, bahawa kemasyhuran yang dicapai melalui media massa bukan sahaja sementara, tetapi sering datang dengan harga yang mahal: kehilangan kawalan, identiti dan keaslian diri.

“Sakit Jiwa”

Cerita ini memaparkan pengaruh media massa, teknologi digital, dan keterhubungan global dalam membentuk interaksi sosial masyarakat moden. Watak Harun, seorang lelaki yang obses membeli telefon bimbit baharu setiap kali model terkini muncul di pasaran, menjadi representasi individu yang terperangkap dalam budaya konsumerisme digital. Kegelojohan Harun dalam memiliki telefon bimbit

baharu menggambarkan pengaruh media massa dan strategi pemasaran teknologi yang mendorong pengguna untuk sentiasa mengikuti perkembangan model terkini.

"Ia ketagih membeli *handphone*. Asal ada model baru, gatallah hatinya hendak membeli."

"Macam siuk jua *hp* baru atu ah, ada projektor," katanya.

Diam-diam ia membelinya dengan harga lebih \$400.00.

Jikalau kita memiliki barang-barang *novelty* seperti itu tentu tidak seronok jika tidak ditayang-tayangkan. Ia pun memainkan sebuah video pendek yang dirakamnya dengan *hp* barunya itu di dinding simen.

(*Fiksi Mini 16:60, 2018:117*)

Ini memperlihatkan bagaimana teknologi digital membentuk norma interaksi sosial, apabila pemilikan gajet terkini dijadikan ukuran kebanggaan atau status dalam kalangan rakan-rakan. Ketagihan Harun bukan sekadar keinginan untuk berhubung dengan orang lain, tetapi keperluan untuk menonjolkan diri (*self-presentation*) dalam masyarakat yang semakin berorientasikan imej digital. Dalam cerita ini, Harun kerap mempamerkan telefonnya kepada rakan-rakan. Tindakan Harun mempamerkan telefonnya melalui video projektor kepada orang sekeliling memperlihatkan budaya pamer digital (*digital display culture*) di mana nilai sosial diukur berdasarkan kemampuan memiliki teknologi terkini, (Hoelzl, 2012; Wright, 2022). Fenomena ini selaras dengan konsep "*spectacle society*" oleh Guy Debord, yang menyatakan bahawa kehidupan moden semakin diatur oleh imej dan penampilan berbanding makna sebenar interaksi sosial (Trier, 2007).

Dalam masa yang sama, naratif ini menyindir bagaimana komunikasi antara individu dipengaruhi oleh nilai materialistik apabila rakan-rakan Harun mengeksploitasi keghairahan Harun untuk mendapatkan keuntungan sendiri:

Kalau kami hendak membeli barang-barang elektronik kami suruh Si Harun membeli dulu.

"Kalau kaumambali gerenti lapas atu turun harganya!"

(*Fiksi Mini 16:60, 2018:118*)

Cerita ini turut menggambarkan perkembangan hubungan sosial yang terbentuk melalui penggunaan teknologi, di mana peranan Harun dalam kalangan rakan-rakannya berfungsi sebagai sejenis 'penanda harga.' Ini mencerminkan suatu bentuk interaksi sosial yang berlandaskan kepada perkembangan teknologi dan ekonomi digital. Menariknya, cerita ini berakhir dengan ironi kegembiraan Harun apabila harga telefonnya naik selepas pembelian, berlawanan dengan logik pengguna biasa:

"Nada turun harganya. Naik ada pulang – tadi sudah kucek tadi pagi, naik \$800.00!"

Ia pun melompat sambil tangan kanan menggenggam *handphone* barunya yang dijulangnya ke langit.

"YAHOOOOOOO!" katanya.

Inilah pertama kali aku melihat seorang pengguna gembira kerana harga barang naik.

(*Fiksi Mini 16:60*, 2018:119)

Hal ini memperlihatkan bagaimana nilai sesuatu produk dalam ekonomi digital turut mempengaruhi emosi dan komunikasi interpersonal (Fajriah & Ningsih, 2024). Kegembiraan Harun tidak lagi bergantung kepada fungsi teknologi, tetapi lebih kepada persepsi nilai pasaran global yang mempengaruhi interaksi sosial di peringkat tempatan. Dari sudut interaksi sosial, Harun tidak lagi berinteraksi secara bermakna dengan manusia, sebaliknya menjadikan objek (telefon) sebagai perantara bagi menonjolkan status sosial. Teknologi digital yang seharusnya berperanan merapatkan hubungan antara manusia, dalam konteks ini, telah mencetuskan jurang apabila hubungan sesama manusia digantikan dengan keterikatan terhadap imej dan simbol teknologi. Cerita ini sekali gus membangkitkan persoalan sama ada kemajuan teknologi benar-benar mempertingkatkan komunikasi, atau sekadar mencipta jarak baharu melalui kebergantungan terhadap simbol status digital.

Secara keseluruhan, "*Sakit Jiwa*" mengintegrasikan peranan media massa, kesan teknologi digital, dan keterhubungan global dalam satu naratif ringkas tetapi mendalam. Cerita ini memperlihatkan bagaimana media massa mencipta keinginan, teknologi digital mempengaruhi interaksi sosial, dan globalisasi membentuk kepuasan psikologi individu.

Kelima-lima naratif yang dianalisis dalam *Fiksi Mini 16:60* memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana media massa dan teknologi digital mempengaruhi kehidupan masyarakat masa kini. Cerita "*Facebook*" dan "*Sakit Jiwa*" menunjukkan bagaimana media sosial membentuk cara individu berinteraksi dan menonjolkan diri di ruang maya. Manakala "*16:60*" dan "*Kita Sama Saja*" membincangkan bagaimana masyarakat hari ini berdepan dengan perubahan gaya hidup dan hubungan sosial akibat kemajuan teknologi serta keterbukaan kepada dunia luar. Cerita "*Kontrak*" pula membawa isu yang lebih luas, iaitu bagaimana populariti dalam era digital boleh menyebabkan seseorang kehilangan identiti sebenar akibat tekanan dan pengaruh global. Kajian ini membuktikan bahawa sastera bukan sahaja mencerminkan perubahan sosial, tetapi juga membantu kita memahami dengan lebih mendalam kesan globalisasi terhadap kehidupan masyarakat dalam era digital ini.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa media sosial dan teknologi digital memainkan peranan strategik dalam membentuk semula corak interaksi sosial dan jaringan keterhubungan dalam kalangan masyarakat moden. Menerusi analisis naratif dalam "*Fiksi Mini 16:60*," didapati bahawa karya sastera berupaya memperlihatkan secara kritis bagaimana identiti, komunikasi dan budaya masyarakat dipengaruhi oleh arus globalisasi yang disalurkan melalui platform digital. Kajian ini turut menegaskan bahawa naratif pendek, walaupun ringkas dari segi bentuk, mampu mengungkap kompleksiti perubahan sosial yang berlaku dalam era digital. Dengan itu, "*Fiksi Mini 16:60*" menjadi bukti bahawa sastera bukan sekadar cerminan kehidupan masyarakat, malah berfungsi sebagai wahana untuk memahami dan menilai impak teknologi terhadap struktur dan nilai sosial masa kini.

Pendanaan

Penyelidikan ini tidak mendapat sebarang pembiayaan.

Konflik Kepentingan

Penulis menyatakan bahawa tidak ada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ampuan Brahim Ampuan Tengah. (2006). *Fungsi Sastra*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Center of Excellence. (2024, September 25). Perkembangan Sastra Inggris di era digital. Universitas Teknokrat Indonesia. Retrieved from <https://coe.teknokrat.ac.id/perkembangan-sastra-inggris-di-era-digital/>
- Chen, Z. (2024). An Analysis of the Impact of Digital Media on the Sustainable Development of Traditional Culture Conducted. *Advances in Economics, Management and Political Sciences*, 84,237-241. Retrieved from <https://www.ewadirect.com/proceedings/aemps/article/view/12659#>
- Fadli al-Akiti. (2021, March 12). Menemui Penulis Pemikir dan Pejuang. JendelaDBP. <https://dewansastra.jendeladbp.my/2021/03/12/315/>
- Fajriah, T., & Ningsih, E. R. (2024). Pengaruh teknologi komunikasi terhadap interaksi sosial di era digital. *Merdeka Indonesia Jurnal International*, 4(1), 149-158. <https://www.merdekaindonesia.com/index.php/MerdekaIndonesiaJournalInternati/article/view/99/71>
- Fiktorius, T. (2013). *Technology as cultural power and its social impact*. Retrieved from https://www.academia.edu/5558509/Technology_as_Cultural_Power_and_Its_Social_Impact
- Ghazali, Muhammad Nur Saiful (2020). Hubungan Proses Kreatif Keterlibatan Dengan Pemasaran Dalam Talian: Satu Kajian Novel-Novel Popular Melayu. *Masters thesis*. Universiti Sains Malaysia. Retrieved from <https://eprints.usm.my/52081/>
- Hoelzl, Ingrid. (2012). Screens – The Place of the Image in Digital Culture. https://www.researchgate.net/publication/254925703_Screens_-_The_Place_of_the_Image_in_Digital_Culture#fullTextFileContent
- Iriani Bakti. (2024). Peran Media Sosial dalam Meningkatkan Kepedulian terhadap Isu Lingkungan. *Indonesian Research Journal on Education*, 4(4), 3198 -. <https://doi.org/10.31004/irje.v4i4.1561>
- Kamis Tuah. (2020). Fiksi Mini Haji Morshidi Haji Marsal dalam Buku Koleksi *Fiksi Mini 16:60: Sebuah Sorotan dlm. Pangsuru*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari-Jun, jil. 23, bil. 43, 48-57.
- Mahmud Bakyr. (1983). *Ikhtisar Bahasa dan Sastra: Siapa manusia dalam Sastra*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2011). Dinamika Dramatik: Tuntutan Teoretis dan Perlanggaran Tekstual. *Jurnal Melayu*, 6, 187-210. Retrieved from <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=81389>
- Mohd Syariefudin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Faridah Che Husain. (2017). "Konsep komuniti dan perkembangannya: Suatu tinjauan kritikal terhadap penggunaannya. *e-BANGI, Journal of Social Sciences and*

- Humanities*, 12(3), 1-15. Retrieved from <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=146618>
- Morshidi Marsal. (2018). *Fiksi Mini 16:60*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siliutina, I., Tytar, O., Barbash, M., Petrenko, N., & Yepyk, L. (2024). Cultural preservation and digital heritage: Challenges and Opportunities. *Revista Amazonia Investiga*. <https://doi.org/10.34069/ai/2024.75.03.22>
- Sohana Abdul Hamid (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-BANGI*, 11, 214-226. Retrieved from <https://www.proquest.com/openview/644ca4ce50c55135e47f85ff76bad0a3/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>
- Tomlinson, J. (1999). *Globalization and Culture*. Polity Press.
- Trier, J. (2007). Guy Debord's "The Society of the Spectacle." *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 51(1), 68-73. <http://www.jstor.org/stable/40015547>
- Wasli, Ena Herni & O'Mara, J. (2014). *Permainan komputer, teknologi baru dan literasi*, paper presented in *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT)*, 18-18 September. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/375837763_Permainan_Komputer_Teknologi_Baru_dan_Literasi#fullTextFileContent
- Wright, D. (2022). How culture became digital: editor's introduction. *International Journal of Cultural Policy*, 28(7), 777-785. <https://doi.org/10.1080/10286632.2022.2137160>
- Yun Xuan, N., & Kutty, F. M. (2022). Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001375. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1375/977>
- Zafar, Q., Jabeen, G., Asif, M., & Rauf, Z. (2024). Exploration of How Digital Media and Technology are Changing Narrative Forms and Literary Consumption. *Bulletin of Business and Economics*, 13(3), 264-272. <https://doi.org/10.61506/01.00486>